

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH JAWAPAN : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh penduduk kawasan Mukim Siong, Baling selepas siapnya Projek Lebuh Raya Weng hingga Durian Burung sejak 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sehingga Disember 2015, bilangan loji rawatan air (LRA) di Negeri Kedah adalah berjumlah 36 buah dengan kapasiti rekabentuk sebanyak 1,308 juta liter sehari (JLH) dan kapasiti pengeluaran sebanyak 1,315 JLH iaitu beroperasi melebihi kapasiti rekabentuk sebanyak 10 JLH. Ini menjadikan Negeri Kedah tidak memiliki rizab margin bagi menampung keperluan tambahan sewaktu situasi kritikal seperti kemarau dan sebagainya. Permintaan bekalan air yang semakin meningkat telah menyebabkan beberapa loji utamanya terpaksa beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk asal dengan memanjangkan tempoh pengoperasian loji dari 20 jam ke 24 jam sehari.
2. Bagi Daerah Baling pula, rizab margin air bersih sehingga 31 Disember 2016 adalah 2.46% dan ia lebih rendah dari sasaran 10% hingga 15% yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Permintaan bekalan air bersih di Baling dijangka meningkat dengan siapnya Lebuhraya Weng-Durian Burung yang membawa pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar.

3. Bagi penyelesaian jangka masa panjang, Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) sedang melaksanakan projek pembinaan loji rawatan air terutamanya bagi menambah kapasiti bekalan air di daerah Baling. Ia melibatkan pembinaan loji rawatan air Sungai Limau dengan kapasiti 18 JLH dengan kos sebanyak RM100 juta dijangka siap pada tahun 2019. Projek ini dilaksanakan di bawah peruntukan RMKe-11.

Tuan Yang Dipertua,

4. Selain memfokus kepada pembangunan infrastruktur bekalan air, Kementerian juga ingin menyaran agar penduduk di Daerah Baling mengamalkan langkah-langkah penjimatan air bagi mengurangkan pembaziran serta menggunakan air bersih secara berhemah. Antara langkah-langkah mudah yang boleh diamal termasuk menggunakan air hujan bagi tujuan bukan minum, menggunakan peranti cekap air, memeriksa kebocoran paip dan sebagainya.

Sekian, terima kasih
